

12 JUN 2000

Kadir-Pelancongan/I

PELANCONG INDONESIA JADI SASARAN MALAYSIA

BINTAN, 12 Jun (Bernama) -- Selepas pelancaran promosi di Singapura, Indonesia pula menjadi sasaran Malaysia dalam usaha menarik pelawat dari negara jiran itu sebagai rangsangan segera kepada industri pelancongan negara.

"Sekarang, fokus kami adalah negara yang dapat membawa masuk bilangan (pelawat) dengan cepat, dari Asean seperti Singapura, Indonesia dan Thailand dan negara lain seperti China dan India," kata Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Abdul Kadir berkata Indonesia adalah pasaran utama yang berpotensi bagi Malaysia berdasarkan bilangan penduduk yang ramai dan kedudukannya yang hampir dengan Malaysia.

"Indonesia mempunyai 220 juta penduduk dan tanpa mengira keadaan di sana, sekurang-kurangnya 10 peratus masih mampu untuk melancong. Itu sahaja sudah sama dengan jumlah penduduk Malaysia," kata Abdul Kadir yang berlepas dari sini malam tadi selepas lawatan dua hari ke Batam dan di sini.

Meskipun kekurangan promosi, beliau berkata sejumlah besar rakyat Indonesia telah melawat Malaysia.

Tahun lepas, seramai 307,373 rakyat Indonesia melawat Malaysia, menjadikannya pasaran keempat terbesar selepas Singapura, Thailand dan Jepun.

Abdul Kadir berkata kempen promosi menerusi akhbar-akhbar dan televisyen Indonesia akan dilancarkan tidak lama lagi iaitu seperti lampiran tambahan mingguan di akhbar utama Singapura, Straits Times dan televisyen.

Abdul Kadir berkata beliau akan mengetuai delegasi ke Jakarta minggu depan dan akan singgah di Surabaya dan Jogjakarta.

"Saya pasti banyak soalan mengenai penerbangan dan isu-isu berkaitan dengan visa akan dibangkitkan. Kita akan kaji semua ini," katanya.

Abdul Kadir berkata persoalan mengenai kekerapan penerbangan antara kedua-dua buah negara telah dibincangkan semasa lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Jakarta.

Masalah penerbangan juga dibangkitkan semasa Abdul Kadir singgah di Batam.

Pihak berkuasa pelancongan Batam meminta beliau mengkaji kemungkinan memulakan penerbangan antara Kuala Lumpur dan Batam selepas perkhidmatan yang dijalankan oleh Sempati Air, Indonesia sebelum ini ditamatkan beberapa tahun lepas.

Para pegawai Batam berkata pulau di Indonesia itu hanya terkenal di kalangan penduduk Malaysia yang tinggal di Johor.

-- BERNAMA

TCL LAT